

**Pas teruskan impian laksana hudud
Utusan Online
1 Ogos, 2012**

KOTA BHARU 31 Julai - Pas tidak pernah meninggalkan cita-citanya untuk melaksanakan hukum hudud meskipun perkara itu tidak termasuk dalam kerangka *Buku Jingga*.

Timbalan Pesuruhjaya III Pas Kelantan, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, Pas tetap memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud dan kenyataan Pengerusi DAP, Karpal Singh yang menentang pelaksanaannya tidak menghalang cita-cita parti itu.

Malah beliau menyifatkan kenyataan Karpal yang sering mempertikaikan pelaksanaan hukum hudud bukan perkara pelik dan menyamakannya dengan tindakan MCA dalam Barisan Nasional (BN).

"Kita hormati pandangan beliau, tetapi pendirian kita, kita akan tetap teruskan cita-cita melaksanakan hudud mengikut lunas undang-undang dan perlembagaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Amar mengulas kenyataan Karpal yang menyifatkan sebarang cubaan Pas memperkenalkan hukum hudud di negara ini mencerminkan dengan buruk niat ikhlas di sebalik apa yang diputuskan di Mukhtamar Pas tahun lepas.

Karpal berkata, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada Mukhtamar ke-57 parti itu Jun tahun lalu secara umum menyatakan tidak ada disebut negara Islam dalam al-Quran tetapi negara berkeadilan dan hudud tidak termasuk dalam kerangka dasar bersama pembangkang iaitu *Buku Jingga*.

Mengulas lanjut, Mohd. Amar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Kelantan berkata, pelaksanaan hukum hudud tidak akan dibuat sebaik sahaja pembangkang menang sebaliknya dilaksanakan selepas mendapat sokongan majoriti rakyat.

"Untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 ini, tumpuan utama kita adalah menjatuhkan BN. Hudud tak ada dalam *Buku Jingga* dan memang tak bincang, tetapi tak bermakna Pas tinggal cita-citanya," katanya.

"Kita akan teruskan usaha memberikan penjelasan dan penerangan di kalangan rakyat. Setakat ini, penerimaan rakyat di Kelantan tidak ada masalah. Kita tak paksa, pelaksanaannya bergantung kepada penerimaan majoriti rakyat," katanya.

Sementara itu, Musyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika ditemui di kediamannya di Pulau Melaka, di sini enggan mengulas perkara tersebut dengan alasan tidak berapa sihat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120801/po_06/Pas-teruskan-impian-laksana-hudud